

30 DEC 1998

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA KEMENTERIAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Kewangan di kementerian itu di Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan di Jalan Duta di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Setiausaha Parlimennya Datuk Dr Shafie Salleh, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Dr Aris Othman dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

-- BERNAMA

RZS AKD